

21 JUN 1998

Mahathir-Ekonomi

MAHATHIR: EKONOMI NEGARA BOLEH PULIH DALAM MASA TIGA BULAN

KUALA LUMPUR, 21 Jun (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata hari ini ekonomi negara dapat dipulihkan dalam masa tiga bulan sekiranya Malaysia boleh menentukan arah tujuhnya tanpa campur tangan faktor luar.

"Sekiranya kawalan penuh berada dalam tangan saya, Saya boleh memberi jaminan bahawa dalam masa tiga bulan, kita akan pulih," kata Dr Mahathir yang juga Presiden Umno pada satu sidang berita di akhir perhimpunan agung parti itu selama tiga hari di sini.

Bagaimanapun, beliau berkata dengan kuasa-kuasa luar memanipulasikan matawang dan menjual saham, adalah sukar untuk memulihkan ekonomi negara.

Beliau memberi contoh matawang Yen yang jatuh nilainya baru-baru ini tetapi selepas campur tangan Amerika Syarikat, matawang Jepun itu menjadi semakin kukuh berbanding dengan dolar AS.

Dr Mahathir juga berkata sekiranya kadar faedah di negara-negara jiran boleh diturunkan, ekonomi negara akan dapat pulih dengan lebih cepat.

"Kalau ia (kadar faedah di negara-negara jiran) naik, jumlah wang yang banyak akan mengalir keluar dari negara," kata Dr Mahathir.

Ditanya mengenai laporan berita yang memetik bekas Perdana Menteri Singapura Lee Kuan Yew sebagai berkata bahawa ekonomi Malaysia akan mengambil masa lima tahun untuk pulih, Dr Mahathir berkata: "Saya tidak tahu. Dia (Lee) mungkin seorang pakar."

Perdana Menteri berkata Malaysia mungkin akan mengambil masa 20 tahun ataupun hanya beberapa bulan sahaja untuk pulih dari krisis ekonomi.

Beliau berkata kuasa pasaran bukanlah tidak ada kelemahan dan menambah "bagi saya, kuasa pasaran didorong oleh pertimbangan keuntungan. Mereka tidak kira sama ada ia memusnahkan ekonomi sesebuah negara atau seluruh rantau. Kuasa pasaran hanya mahu membuat duit."

Perdana Menteri berkata kejatuhan mata wang tidak ada kaitan dengan prestasi ekonomi sesebuah negara atau tindakan yang diambil oleh kerajaan.

"Ia soal banyak mana wang yang kita ada. Kita tidak mempunyai wang sebanyak itu.

"Sebab itu saya merayu kepada Amerika untuk memberikan pinjaman beberapa ratus bilion dolar agar kita dapat menyelamatkan ringgit," katanya.

Beliau juga berkata kerajaan akan meneruskan dasar yang memperuntukkan saham-saham khas kepada Bumiputera.

"Dasar ini akan diteruskan kerana ia adalah adil seadilnya...kita lakukan seadil yang mungkin," kata Perdana Menteri.

"Jangan fikir orang itu sahaja yang dapat, orang lain juga dapat tetapi melalui saham amanah atau melalui badan-badan Bumiputera yang lain," kata beliau.

--BERNAMA

ES Oba